


# UniMAP Tuan Rumah Mesyuarat TTNC/TR HEPA IPTA Malaysia Kali Ke-160

Mohd Hakam Hassan



**20 & 21 Oktober 2009**, Pulau Langkawi - UniMAP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah diberikan kepercayaan oleh Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA Malaysia bagi menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA Malaysia Kali Ke-160. Untuk menjayakan mesyuarat ini, Jabatan HEPA telah membentuk satu jawatankuasa pelaksana yang diketuai oleh

Dekan Jabatan HEPA, Encik Razli Ahmad dan berkerjasama secara langsung dengan sekretariat induk Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA Malaysia yang dipengerusikan oleh Universiti Putra Malaysia.

Mesyuarat TTNC/TR HEPA kali ke-160 ini telah berlangsung pada 20 dan 21 Oktober 2009 bertempat di Westin Hotel, Kuah, Pulau Langkawi. Aturcara mesyuarat bermula pada awal pagi 20 haribulan dengan ketibaan ahli-ahli mesyuarat secara berperingkat melalui Lapangan Terbang Pulau Langkawi. Ahli-ahli mesyuarat yang hadir adalah terdiri daripada Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Ketua-Ketua Bahagian/Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) IPTA Malaysia dan wakil dari Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ketibaan rombongan ahli-ahli mesyuarat ini telah disambut oleh sekretariat dari UniMAP dan seterusnya mereka di bawa ke tempat penginapan di Bayview Hotel (yang menempatkan Ketua-Ketua Bahagian/Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) IPTA Malaysia) dan Westin Hotel sendiri (yang menempatkan

Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA Malaysia).

Pada sebelah petangnya (20 haribulan) telah diadakan Sesi Perbincangan Kecil yang melibatkan Ketua-Ketua Bahagian/Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) IPTA Malaysia di Bilik Mesyuarat Westin 1. Perbincangan kecil ini telah dihadiri oleh seramai 18 orang Ketua-Ketua Bahagian/Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dari 17 buah IPTA dan Jabatan Pengajian Tinggi, KPT dan dipengerusikan oleh Encik Ab.Malik Simon, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM). Perbincangan tersebut diadakan bagi membuat persiapan awal perkara-perkara yang akan dibawa semasa Mesyuarat TTNC/TR HEPA yang akan berlangsung pada keesokan harinya.

Pada sebelah malamnya telah diadakan Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Mesyuarat TTNC/TR HEPA IPTA Malaysia Kali Ke-160 bertempat di Dewan Westin 2. Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP telah sudi melapangkan masa beliau untuk hadir bersama dalam majlis



makan malam ini. Terdahulu pada sebelah petangnya, Yang Berbahagia Dato' telah disambut dan diberikan sambutan penuh mesra daripada Pihak Pengurusan Hotel Westin, Encik Dennis Kam, Pengarah Pembangunan Perniagaan Hotel apabila tiba di hotel tersebut. Antara tetamu-tetamu lain yang hadir dalam majlis makan malam ini adalah Yang Berbahagia Prof. Dr. Azali Mohamed, TNC HEPA Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkap Pengerusi bagi Sekretariat TTNC/TR HEPA IPTA Malaysia, Y. Bhg. Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan, Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Jabatan Pengajian Tinggi, KPT. Turut hadir Y. Bhg Prof. Madya Datuk Dr. Ahmad Faiz Hj. Abd Hamid, TNC HEPA Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku Timbalan Pengerusi Sekretariat TTNC/TR. Dalam ucapan aluan yang disampaikan oleh Pengerusi Sekretariat TTNC/TR, Yang Berbahagia Prof. Dr. Azali Mohamed merakamkan ucapan terima kasih di atas sambutan 'warm welcoming' dan kesudian UniMAP menjadi tuan rumah kepada mesyuarat TTNC/TR kali ke-160 ini. Dalam ucapan balas oleh Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin,

Naib Canselor UniMAP merakamkan ucapan terima kasih kepada sekretariat TTNC/TR HEPA kerana telah memilih UniMAP sebagai tuan rumah kepada penganjuran mesyuarat kali ini dan menyeru agar sekretariat TTNC/TR HEPA dapat meneruskan usaha-usaha yang dirangka dalam membangunkan sahsiah pelajar di universiti-universiti. Majlis makan malam ini telah diserikan lagi dengan persembahan-persembahan dari kollaborasi antara pelajar dari Unit Kebudayaan dan Kesenian Pelajar, Jabatan HEPA dan staf-staf dari Unit Kebudayaan dan Rekreasi, Jabatan Canselori, UniMAP. Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin turut menyerikan majlis makan malam ini apabila membuat persembahan dengan menyanyikan 3 buah lagu kepada hadirin yang hadir.

Kemuncaknya pada 21 Oktober, pada jam 9.30 pagi, Mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA Malaysia Kali Ke-160 telah dilangsungkan di Bilik Mesyuarat Westin 1. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 36 orang yang terdiri daripada Timbalan-Timbalan Naib

Canselor/Timbalan Rektor, Dekan-Dekan (HEPA) dan Ketua-ketua Bahagian HEPA daripada IPTA Malaysia. Mesyuarat ini telah berlangsung selama hampir 2 jam setengah dan kemuncak kepada mesyuarat ini adalah upacara penyerahan tugas Pengerusi Sekretariat TTNC/TR HEPA dari Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada Pengerusi yang baru, Universiti Utara Malaysia (UUM). Pelantikan UUM sebagai Pengerusi Sekretariat TTNC/TR HEPA ini adalah untuk tempoh 2 tahun bermula dari 1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2012. Manakala untuk Timbalan Pengerusi pula disandang oleh Universiti Sains Malaysia (USM) juga untuk tempoh 2 tahun.

Sekretariat pelaksana UniMAP amat bersyukur kerana telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) IPTA Malaysia Kali Ke-160 dengan jayanya meskipun mengalami bekangan jumlah urusetia yang kecil dan masalah pengangkutan (kenderaan) disebabkan oleh penganjuran mesyuarat kali ini yang diadakan di luar UniMAP dan Perlis.

